

23 AUG 2003

Gerakan-Lim

KEPIMPINAN DR MAHATHIR PERKUKUHKAN PERPADUAN DAN INTEGRASI SOSIAL

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Kepimpinan jati Malaysia Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membantu memperkukuhkan perpaduan nasional dan integrasi sosial di negara ini, kata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Beliau berkata bukti sokongan terhadap dasar pembangunan sosial Perdana Menteri ialah rakyat telah memberi kemenangan besar kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 1995 dan sekali lagi pada 1999, walaupun sokongan pengundi Melayu kepada BN berkurangan.

"Saya yakin sokongan itu akan dan sudah pun kembali kepada kita kerana rakyat sudah jemu dengan sikap jumud, oportunistik dan politik bahaya yang diamalkan oleh pembangkang," katanya dalam ucapannya pada Persidangan Perwakilan Kebangsaan ke-32 parti itu di sini hari ini.

Seramai kira-kira 1,800 perwakilan menghadiri persidangan dua hati itu yang bermula hari ini. Dr Mahathir yang juga pengerusi BN merasmikan persidangan itu.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin parti komponen BN lain.

Dr Lim berkata ramai penganalisis sosial memuji keupayaan Dr Mahathir dalam mengekal dan memupuk keharmonian kaum, termasuk penulis yang juga ahli sains sosial terkemuka dunia, Dr Alvin Toffler.

Dr Lim memetik Dr Alvin Toffler sebagai berkata: "Jika mana-mana ahli makroekonomi, jurubank pelaburan atau penulis editorial beranggapan mereka mampu mentadbir sebuah kerajaan yang majmuk dan pelbagai etnik dengan aman dan lebih baik dalam sebuah dunia yang dicemari pembersih etnik, sila tampil ke depan. Mahathir sudah berjaya melaksanakannya".

Menurutnya ia lebih jelas apabila Dr Mahathir menggariskan sembilan objektif Wawasan 2020, dengan keutamaan untuk mewujudkan negara Malaysia yang bersatu dengan matlamat yang dikongsi bersama.

"Tiada pemimpin lain dalam sejarah Malaysia sebagai sebuah negara, yang memberikan penekanan dan harapan untuk mewujudkan Bangsa Malaysia sejati melainkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau secara konsisten mengingatkan kita supaya tidak mengambil mudah keperluan bagi melaksanakan tanggungjawab mewujudkan sebuah masyarakat yang liberal dan bertoleransi, malah dapat menghargai cara yang dilaksanakan oleh orang lain," kata Dr Lim.

Dr Lim juga berkata sepanjang tempoh pentadbiran Dr Mahathir, setiap warga Malaysia mempunyai tempat di negara ini dan berkongsi budaya dan sosial dengan setiap perayaan masyarakat menjadi pesta kebangsaan yang disertai pelbagai kaum.

Beliau berkata sistem pendidikan awam dan swasta lebih terbuka untuk menampung pelbagai lapisan rakyat, termasuk penubuhan Sekolah Wawasan untuk pelajar "belajar, makan dan bermain" bersama-sama.

"Saya juga yakin program Khidmat Negara yang bertujuan menyatukan generasi muda, memupuk semangat patriotisme dan perpaduan nasional, akan dapat dipertingkatkan dan dihargai semua kaum di negara ini.

Satu lagi aspek penting dalam pembangunan sosial ialah memastikan masyarakat negara ini bersusila dan berakhlak mulia dengan mengambil kira nilai-nilai agama dan kerohanian yang kukuh, katanya.

"Dalam pada kita mencatat pembangunan ekonomi dan infrastruktur, kita juga mesti memberi perhatian kepada gejala kurang sihat yang menjejaskan masyarakat kita, seperti mempunyai infrastruktur kelas pertama tetapi

mentaliti kelas ketiga," kata Dr Lim.

-- BERNAMA

AT HS LAT